



⌚ 2.00 PETANG

dua gerabak monorel dilaporkan gagal berfungsi berhampiran Stesen Tun Sambathan, Brickfields

⌚ 2.19 PETANG

bilik gerakan Bomba dan Penyelamat Kuala Lumpur menerima panggilan kecemasan

⌚ 2.29 PETANG

seramai 47 anggota bersama enam jentera bomba tiba di lokasi kejadian

183 penumpang terperangkap dalam gerabak KL Monorel

47 anggota bomba terbabit tugas menyelamatkan

20 anggota JPAM

6 jentera bomba

3 penumpang cedera

# Cuba pecah tingkap

» Penumpang monorel panik sebab kurang udara, panas

B/H 12/8/12 MS 1

Oleh Hardi Effendi Yaacob, Lum Chee Hong dan Fitri Nizam  
bhnews@bharian.com.my

► Kuala Lumpur

“**S**aya tak boleh bernafas, sesak dan rasa seperti mahu mati,” kata mangsa yang terperangkap dalam gerabak KL Monorel, Nur Qistina Ahmad Razif, 16.

Dia antara 183 penumpang termasuk pelancong asing yang berdepan saat cemas apabila terperangkap lebih satu jam dalam tren yang tidak berfungsi secara tiba-tiba berhampiran Kompleks Persatuan Bagi Orang Buta Malaysia (MAB), Brickfields.

## Sesak nafas

Katanya, kegagalan tren berfungsi menyebabkan kebanyakan penumpang panik dan ada di antara mereka yang pengsan akibat sesak nafas.

“Saya nampak ada orang cuba pecahkan cermin bagi mendapatkan udara kerana keadaan di dalam itu terlampau sesak dengan penumpang,” katanya.

Seorang lagi mangsa, Nur Izzah Nazihah Hasnul Bahrin, 14, dari

Operasi menyelamatkan bagi **menyelamatkan 183 penumpang yang terperangkap** dalam gerabak KL Monorel.





EXCELLENCE

SIMPLY DELI

291



▶ 3.35 PETANG

mangsa pertama berjaya  
dibawa keluar

▶ 4.00 PETANG

operasi menyelamatkan  
ditamatkan



Nilai, Negeri Sembilan yang dalam perjalanan ke pusat bandar untuk membeli-belah kecewa kerana hasratnya terbantut apabila terperangkap dalam tren berkenaan.

“Saya tidak sangka hasrat datang ke Kuala Lumpur untuk membeli-belah bertukar tragedi apabila terpaksa bersesak dalam tren itu, namun sangat bersyukur kerana terselamat daripada sebarang kecederaan,” katanya.

#### Pengsan dalam gerabak

Sementara itu, seorang pelancong asing dari England, T Matthew, 27, berkata pada mulanya beliau menyangka penumpang hanya ber-

guru bahawa gerabak tidak berfungsi kerana orang ramai dilihat ketawa sesama sendiri.

“Bagaimanapun, keadaan berubah menjadi kelim kabut apabila seorang wanita tiba-tiba pengsan dalam gerabak, selepas beberapa minit tren terhenti sekali gus menyebabkan kami semua panik,” katanya.

Dia yang dalam perjalanan dari Stesen Monorel Tun Sambanthan ke Maharajalela berkata penghawa dingin tidak berfungsi menyebabkan mereka kepanasan dan sesak nafas.

Sebaik diselamatkan Matthew terus bertanya arah ke Dataran Merdeka dan bertekad berjalan kaki saja.



## Dikeluarkan melalui pintu gerabak

BH 12/8/12

MS 7

◉ Dari muka 1

Ini menyebabkan sebahagian besar penumpang panik lalu cuba menyelamatkan diri dengan memecahkan cermin dan pintu gerabak tetapi gagal sehinggalah diselamatkan pasukan bomba dan pihak pengu-rasan perkhidmatan itu.

Ketua Operasi Bomba dan Penyelamat Kuala Lumpur, Penguasa Bomba Ahmad Zaidi Safuan, berkata pihaknya menerima panggilan kecemasan kira-kira jam 2.19 petang memaklumkan ada penumpang terperangkap dalam gerabak monorel.

Berikutan itu, katanya, sepasukan 47 anggota bomba bersama enam jentera dike-

“  
Kita bersyukur kerana insiden ini berjaya ditangani tanpa sebarang kemalangan jiwa dan kecederaan serius”

**Wan Bari Wan Abdul Khalid,**  
Ketua Polis Daerah Brickfields

“Tiada kemalangan jiwa atau kecederaan serius dilaporkan, malah pasukan paramedik dari Hospital Kuala Lumpur (HKL) dan Jabatan Pertahanan Awam (JPAM) turut berada di tempat kejadian bagi membantu mangsa,” katanya ketika ditemui BH semalam.

#### Gangguan teknikal

TTL pernah digunakan dalam operasi menyelamatkan dan memadamkan kebakaran sebuah menara pejabat yang masih dalam pembinaan di KL Sentral awal tahun ini.

“  
jarkan ke tempat kejadian dan tiba di lokasi kira-kira 10 minit kemudian bagi menjalankan operasi menyelamatkan.

“Kita bertindak memecahkan tingkap gerabak bagi membolehkan udara masuk, sekaligus mengurangkan kepanasan dalam koc. Mangsa kemudian dikeluarkan melalui pintu gerabak menggunakan tangga cakera putar (TTL) dari paras ketinggian 25 meter.



“  
Bagaimapun, keadaan berubah menjadi kelam kabut apabila seorang wanita tiba-tiba pengsan dalam gerabak, selepas beberapa minit tren terhenti sekali gus menyebabkan kami semua panik”

**T Matthew,**  
Pelancong England



“  
Saya tidak sangka hasrat datang ke Kuala Lumpur untuk membeli belah bertukar tragedi apabila terpaksa bersesak dalam tren itu, namun sangat bersyukur kerana terselamat daripada sebarang kecederaan”

**Nur Izzah Nazihah Hasnul Bahrin,**  
Mangsa

Ahmad Zaidi menganggap operasi semalam berjaya kerana pegawai dan anggota penyelamat tidak mengalami sebarang kesukaran mengeluarkan mangsa, malah pihak pengurusan turut memberikan kerjasama.

“Keseluruhannya, 63 mangsa diselamatkan anggota bomba, manakala pihak pengurusan menyelamatkan 120 lagi penumpang menggunakan gerabak sokongan sebelum diturunkan di Stesen Tun Sambanthan, kira-kira 200 meter dari tempat kejadian,” katanya.

Sebelum itu, pihak pengurusan menghantar gerabak sokongan untuk menolak gerabak yang menghadapi masalah ke stesen berhampiran tapi gagal.

Berikutan itu sebuah lagi gerabak sokongan dihantar dari landasan bertentangan untuk membantu usaha memindahkan penumpang.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Brickfields, Asisten Komisioner Wan Bari Wan Abdul Khalid mengesahkan tiga penumpang cedera dalam kejadian semalam dan mereka dihantar ke HKL untuk mendapatkan rawatan.

“Seorang wanita hamil pengsan, namun keadaannya dilaporkan stabil. Dua lagi penumpang cedera terkena serpihan kaca tingkap yang dipecahkan ketika dibawa keluar dari gerabak.